

Usah halau

Orang ramai diminta beri kerjasama kepada pembanci

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Layan mereka (pembanci) dengan adil, mereka hanya melaksanakan tugas diamanahkan kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat, jangan halau mereka," kata Ketua Perangkawan merangkap Pesuruhjaya Banci, Datuk Wan Ramlah Wan Abd Raof.

Menurutnya, beliau ada menerima aduan daripada pembanci terdapat segelintir rakyat bertindak luar batasan apabila melepaskan anjing atau menghalau pembanci yang datang ke rumah mereka untuk mengadakan bancian.

"Saya berharap sangat bantuan dan kerjasama daripada semua rakyat Malaysia supaya membantu mereka



WAN RAMLAH...kumpul data penting

menjalankan tugas masing-masing, bancian terdulu kami menerima kerjasama yang amat baik.

"Mereka bukan jurujual, jangan layan mereka sebegitu rupa. Bancian ini amat penting kerana data akan digunakan untuk perancangan masa depan demi kesejahteraan rakyat, ia bukan saja

boleh digunakan pihak yang berkepentingan, tetapi juga komuniti perniagaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Wan Ramlah, berkata rakyat juga tidak perlu ragu-ragu untuk memberikan maklumat kerana mereka sudah diberikan kuasa untuk menjalankan bancian itu.

Beliau berkata, pihaknya sudah menyiapkan proses bancian peringkat pertama, dan sedang meneruskan fasa kedua.

Hari Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang bermula 6 Julai lalu hingga 22 Ogos depan membabitkan 30,000 pembanci dan penyeilia untuk mengetahui bilangan penduduk Malaysia ketika ini dan jangkaan akan datang, sekali gus berupaya menyediakan perancangan kemudahan untuk rakyat.